

<b>Headline</b>	Orkid, katak unik ditemui		
<b>MediaTitle</b>	Harian Metro (Johor)		
<b>Date</b>	22 Dec 2012	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	News	<b>Circulation</b>	289,315
<b>Page No</b>	44	<b>Readership</b>	1,981,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	310 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	FAIRUL ASMAINI MOHD PILUS	<b>AdValue</b>	RM 8,372
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 25,117



# Orkid, katak unik ditemui

**Ekspedisi Saintifik Endau Rompin Trans Selai-Peta temui 2 spesies tumbuhan, haiwan belum pernah ditemui**

>>Oleh Fairul Asmaini

Mohd Pilus

asmaini@NSTP.com.my

**L**EDANG: Ekspedisi Saintifik Endau Rompin Trans Selai-Peta, Julai lalu, berjaya menemui dua spesies tumbuhan dan seekor katak yang belum pernah ditemui selain rekod baru spesis orkid.

Pegawai Penyelidik Perbadanan Taman Negara Johor, Lili Tokimin berkata, penemuan itu akan dipaparkan dalam jurnal saintifik dan diketengahkan ke peringkat antarabangsa supaya kajian lanjut dapat dilakukan bagi mengenal pasti kepelbagaiannya flora dan fauna yang terdapat di hutan negara ini.

“Ekspedisi anjuran bersama Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia itu disertai pelbagai pihak termasuk universiti tempatan.

“Hasilnya, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) turut menemui dua spesies baru daripada keluarga halia serta tumbuhan renek yang pertama kali ditemui di dunia.


“Spesies berkenaan ialah ‘Scaphochlam Ys Sp’ yang ditemui di Sungai Marong iaitu jenis tumbuhan kali pertama ditemui dalam bidang sains. Turut ditemui, satu spesies endemik dinamakan ‘Thottea Praetermissa’ yang dijumpai di kawasan Upah Guling di Taman Negara Endau Rompin,” katanya.

Menurut Lili, satu spesies orkid hutan yang sebelum ini hanya pernah ditemui di Sumatera, Indonesia turut dijumpai dan penemuan itu yang pertama di Semenanjung Malaysia.

Katanya, orkid berkenaan terdiri daripada spesies ‘Phalaenopsis Zebrina’ dan pada masa sama, ekspedisi turut menemui satu spesies katak baru di Taman Negara berkenaan daripada keluarga ‘Rana Picturata’ berwarna hitam dan berbintik kuning.

“Semua kajian saintifik berkaitan penemuan itu dibentangkan pada Seminar Ekspedisi Saintifik Endau Rompin Trans Selai-Peta di Taman Negara Gunung Ledang, kelmarin, yang dihadiri lebih 100 peserta.

“Pada seminar berkenaan, 20 kertas kerja dibentangkan oleh penyelidik daripada pelbagai universiti tempatan dan usaha itu akan diteruskan bagi mengenal pasti spesis baru serta langkah sesuai memeliharanya,” katanya.



**MENARIK...**spesis katak terbaru dikenali ‘Rana Picturata’ ditemui di Taman Negara Endau Rompin dalam ekspedisi saintifik, baru-baru ini.